



KERAJAAN  
NEGERI TERENGGANU

# PENYATA

KEWANGAN NEGERI

# 2019

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



KERAJAAN  
NEGERI TERENGGANU

*PENYATA*  
KEWANGAN NEGERI  
2019





# PENYATA KEWANGAN NEGERI TAHUN 2019 NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

## KANDUNGAN


BIL	PERIHAL	MUKASURAT
<b>1</b>	<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA</b>	
<b>2</b>	<b>LAPORAN BENDAHARI NEGERI</b>	i - xii
<b>3</b>	<b>PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI</b>	1
<b>4</b>	<b>PENYATA KEWANGAN NEGERI</b>	
	Penyata Kedudukan Kewangan	2
	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	3
	Penyata Prestasi Kewangan	5
	Penyata Akaun Memorandum	6
	Nota Kepada Penyata Kewangan	7
<b>5</b>	<b>LAMPIRAN KEPADA NOTA</b>	
	<b>LAMPIRAN</b>	
	1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	21
	2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	81
	3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut	119
	4 Penyata Memorandum Pelaburan	123
	5 Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	124





**SIJIL**  
**KETUA AUDIT NEGARA**





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawai Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.



## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia, *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*) dan Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka

dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Terengganu.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu memberi gambaran yang saksama.

#### Hal-Hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

30 SEPTEMBER 2020





# SOROTAN BAGI TAHUN 2019



**BELANJA  
MENGURUS**



**HASIL**



**BELANJA  
PEMBANGUNAN**



**AKAUN AMANAH  
DISATUKAN**



**WANG  
AWAM**





# **LAPORAN BENDAHARI NEGERI**



# LAPORAN BENDAHARI NEGERI

## 1. PENDAHULUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu 2019 disediakan oleh Bendahari Negeri mengikut kehendak kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Sidang Dewan Undangan Negeri mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urusan kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan pada tahun kewangan 2019.

Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

## 2. PRESTASI BELANJAWAN

Belanjawan 2019 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada November 2018 dengan peruntukan sebanyak RM2,015.00 juta untuk Perbelanjaan Mengurus, RM599.39 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan dan RM1.80 juta untuk Perbelanjaan Bekalan Air.

Pada tahun 2019, hasil sebenar Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM2,560.96 juta. Prestasi kutipan hasil ini adalah 27.09 % lebih tinggi berbanding anggaran hasil asal RM2,015.00 juta. Tiada peruntukan tambahan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 2019.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan di antara belanjawan dengan prestasi sebenar kutipan hasil dan perbelanjaan bagi tahun 2019.

**Jadual 1: Belanjawan & Prestasi Sebenar Kutipan Hasil dan Perbelanjaan Tahun 2018 dan 2019**

BUTIRAN	2019			2018		
	Anggaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%	Anggaran (RM juta)	Sebenar (RM juta)	%
Hasil	2,015.00	2,560.96	127.09	1,815.00	1,792.52	98.76
Perbelanjaan Mengurus	2,015.00	2,300.99	114.19	1,996.00	1,872.75	93.83
Perbelanjaan Pembangunan	599.39	489.92	81.74	823.43	511.99	62.18
Perbelanjaan Bekalan Air	1.80	0.87	48.33	3.77	1.27	33.69



### 3. PRESTASI KEWANGAN

Pada tahun 2019, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mencatat lebih keseluruhan sebanyak RM259.97 juta berbanding defisit RM80.24 juta pada tahun 2018. Lebihan ini berlaku kerana kutipan hasil yang tinggi iaitu RM2,560.96 juta berbanding perbelanjaan mengurus sebanyak RM2,300.99 juta.

Lehian Kumpulan Wang Pembangunan Negeri juga terdapat peningkatan kepada RM245.68 juta berbanding RM119.75 juta pada tahun 2018 disebabkan oleh terimaan melebihi perbelanjaan. Manakala Kumpulan Wang Bekalan Air pula telah mencatatkan pengurangan defisit kepada RM0.87 juta berbanding defisit RM1.27 juta pada tahun 2018.

Lain-lain Akaun Amanah terdiri daripada Akaun Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Awam dan Akaun Deposit mencatat defisit RM61.90 juta.

Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 2 : Ringkasan Prestasi Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu  
Bagi Tahun 2018 dan 2019**

<b>BUTIR-BUTIR</b>	<b>TAHUN 2019 RM (Juta)</b>	<b>TAHUN 2018 RM (Juta)</b>
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>		
Hasil	2,560.96	1,792.52
Perbelanjaan Mengurus	2,300.99	1,872.76
Lehian/ (Kurangan) Akaun Hasil Disatukan	259.97	(80.24)
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>		
<b>AKAUN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN</b>		
Terimaan	735.60	631.74
Perbelanjaan Pembangunan	489.92	511.99
Lehian/ (Kurangan) Akaun Pembangunan	245.68	119.75
<b>AKAUN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR</b>		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan Bekalan Air	0.87	1.27
Lehian/ (Kurangan) Akaun Bekalan Air	(0.87)	(1.27)
<b>LAIN-LAIN AKAUN AMANAH</b>		
Terimaan	9,707.49	6,962.99
Perbelanjaan	9,769.39	7,010.30
Lehian/ (Kurangan) Lain-Lain Akaun Amanah	(61.90)	(47.31)
<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>		
Terimaan	0.00	0.00
Perbelanjaan	0.00	0.00
Lehian/ (Kurangan) Lain-Lain Akaun Pinjaman	0.00	0.00


#### 4. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah aset yang terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan Kerajaan Negeri. Aset ini dipegang bagi ketiga-tiga **Kumpulan Wang Disatukan** iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jumlah aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM597.56 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM154.68 juta.

Peningkatan keseluruhan Aset Kerajaan Negeri sebanyak RM442.88 juta adalah disebabkan oleh peningkatan Wang Tunai sebanyak RM93.08 juta dan peningkatan dalam jumlah Pelaburan sebanyak RM349.80 juta.

Carta 1 menunjukkan kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun iaitu dari tahun 2015 hingga 2019

**Carta 1 : Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2015 Hingga 2019**



#### 5. WANG AWAM

##### Wang Tunai

Wang Tunai adalah aset Kerajaan Negeri yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan, Wang Tunai Dalam Bank dan Wang Tunai Dalam Perjalanan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Tetap di Institusi Kewangan yang diluluskan bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenalpasti yang belum diambil kira dalam Buku Tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan adalah merupakan baki Panjar Wang Runcit (PWR).

Pengurusan Wang Tunai yang efisien adalah penting untuk memastikan semua perbelanjaan Kerajaan Negeri dapat dibiayai dengan kedudukan Wang Tunai yang kukuh. Lebihan Wang Tunai dilaburkan dalam Simpanan Tetap tiga (3) bulan dan ke bawah bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian.

Wang Tunai Kerajaan Negeri telah meningkat sebanyak RM93.08 juta (98.52 %) kepada RM187.56 juta pada tahun 2019 berbanding RM94.48 juta pada tahun 2018.

Perbandingan kedudukan baki Wang Tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3 : Wang Tunai Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2018 dan 2019**

<b>PERIHAL</b>	<b>2019 (RM juta)</b>	<b>2018 (RM juta)</b>
Wang Tunai Dalam Tangan	0.11	0.10
Wang Tunai Dalam Bank	187.21	94.38
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.24	0.00
<b>Jumlah Wang Tunai</b>	<b>187.56</b>	<b>94.48</b>

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa berjumlah RM157.21 juta dan Akaun Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah berjumlah RM30.0 juta.

## **Pelaburan**

Pelaburan Kerajaan Negeri dilaporkan sebagai salah satu item di bawah Wang Awam di Penyata Kedudukan Kewangan selain daripada Wang Tunai. Jumlah Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM410.00 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak RM349.80 juta (581.06 %) berbanding RM60.20 juta pada tahun 2018. Keseluruhan Pelaburan ini adalah Pelaburan Am dalam bentuk Simpanan Tetap melebihi tempoh tiga (3) hingga dua belas (12) bulan di institusi kewangan tempatan.

## **6. KUMPULAN WANG DISATUKAN**

Kumpulan Wang Negeri Disatukan terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah RM597.56 juta, terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM257.36 juta dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM340.20 juta. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada akhir tahun 2019.

## AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi satu tahun kewangan.

Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2019 dengan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan lebih berjumlah RM257.36 juta berbanding dengan kedudukan kurangan RM2.61 juta pada tahun 2018. Ini kerana Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2019 berakhir dengan lebihan RM259.97 juta.


## Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

Jumlah hasil Kerajaan Negeri yang diterima sehingga 31 Disember 2019 ialah RM2,560.96 juta adalah lebih tinggi berbanding RM2,015.00 juta yang dianggarkan. Jumlah hasil ini meningkat RM768.44 juta (42.86 %) berbanding dengan kutipan hasil tahun 2018 yang berjumlah RM1,792.52 juta. Peningkatan hasil ini disumbang oleh Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM2,313.46 juta berbanding RM1,509.24 juta pada tahun 2018. Terimaan Bukan Hasil kekal sebagai penyumbang utama kepada jumlah hasil keseluruhan sebanyak 90.33 %.

Carta 2 menunjukkan pecahan Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2019.

**Carta 2 : Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2019**




Terimaan Bukan Hasil adalah terdiri daripada Pulangan Balik Perbelanjaan berjumlah RM45.13 juta dan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM2,268.32 juta. Pulangan Balik Perbelanjaan menyumbang kenaikan sebanyak RM38.44 juta (574.59 %) kepada RM45.13 juta tahun 2019 berbanding RM6.69 juta sahaja pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan terimaan Pulangan Balik Belanja Am berjumlah RM7.58 juta (258.70 %) kepada RM10.51 juta berbanding RM2.93 juta pada tahun 2018 dan Dapatan Balik Wang Amanah berjumlah RM30.86 juta (820.74 %) kepada RM34.62 juta berbanding RM3.76 juta sahaja pada tahun 2018. Manakala Terimaan Daripada Agensi Kerajaan pula menyumbang kenaikan sebanyak RM765.77 juta (50.96 %) kepada RM2,268.32 juta berbanding RM1,502.55 juta pada tahun 2018.

Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing menyumbang sebanyak RM73.83 juta dan RM173.67 juta, dimana menunjukkan penurunan RM4.16 juta dan RM31.62 juta masing-masing berbanding tahun 2018.

Walaupun terdapat penurunan dalam Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai, namun peningkatan ketara dalam Terimaan Bukan Hasil telah menyebabkan peningkatan keseluruhan prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri tahun 2019.

Prestasi Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti carta 3 di bawah.

**Carta 3 : Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Mengikut Jenis Hasil Bagi Tempoh 5 Tahun**



## Perbelanjaan Mengurus


Perbelanjaan Mengurus tahun 2019 adalah berjumlah RM2,300.99 juta, termasuk pindahan sebanyak RM718.68 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Jumlah ini meningkat sebanyak RM428.23 juta atau 22.86 % berbanding perbelanjaan tahun 2018. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan sebanyak RM503.48 juta (21.88 %) dan Perbelanjaan Bekalan sebanyak RM1,797.51 juta (78.12 %).

Perbelanjaan Tanggungan meningkat sebanyak RM428.19 juta (568.72 %) berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM75.29 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembayaran hutang awam dan pertambahan perbelanjaan Tuntutan Insuran dan Pampasan berjumlah RM20.43 juta (382.58 %) kepada RM25.77 juta pada tahun 2019 berbanding RM5.34 juta sahaja pada tahun 2018. Bagi Perbelanjaan Bekalan pula, peningkatan hanya RM0.05 juta (0.003 %) berbanding RM1,797.46 juta tahun 2018. Perbelanjaan Bekalan ini adalah termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM718.68 juta, yang juga bertambah sebanyak RM93.68 juta berbanding RM625.00 juta tahun 2018.

Dari sudut penjenisan Perbelanjaan Mengurus, RM262.86 juta (11.42 %) adalah untuk Emolumen, RM184.58 juta (8.02 %) untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM11.01 juta (0.48 %) untuk Aset, RM1,841.30 juta (80.02 %) untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM718.68 juta) dan RM1.24 juta (0.05 %) untuk Perbelanjaan Lain.


Pecahan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri mengikut jenis belanja bagi tahun 2019 adalah seperti di Carta 4.

**Carta 4 : Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Tahun 2019**



Prestasi Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti carta 5 di bawah.

**Carta 5 : Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tempoh 5 Tahun**



#### **AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan adalah untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan juga mengakaunkan pindahan terimaan pinjaman tersebut kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman ini adalah untuk membiayai projek-projek Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Projek Pembangunan Dalam Negeri, Pembangunan Hutan dan untuk dipinjamkan semula kepada Badan-Badan Berkanun Negeri seperti Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk melaksanakan projek-projek.

Pada tahun 2019, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar. Kerajaan Negeri tidak mendapat apa-apa pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 2014.

#### **AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan terdiri dari tiga kumpulan wang iaitu, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM340.20 juta pada 31 Disember 2019 meningkat sebanyak RM182.91 juta atau 116.29 % berbanding RM157.29 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan berkurangan sebanyak RM245.68 juta dan peningkatan Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM14.55 juta. Penyata Akaun Amanah Disatukan menunjukkan juga pengurangan baki Kumpulan Wang Bekalan Air sebanyak RM0.87 juta, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM43.49 juta dan Deposit sebanyak RM32.95 juta.

## KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan kerajaan dan sumbangan awam serta bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61). Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Amanah Kerajaan.

### Kumpulan Wang Pembangunan Negeri

Kumpulan Wang Pembangunan adalah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2019, jumlah terimaan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM735.60 juta melebihi perbelanjaan yang berjumlah RM489.92 juta menjadikan Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatat lebih RM245.68 juta berbanding lebih RM119.75 juta pada tahun sebelum. Ini menyebabkan baki kurangan (defisit) terkumpul Kumpulan Wang ini menurun sebanyak RM245.68 juta kepada defisit RM431.57 juta pada tahun 2019.

Terimaan Kumpulan Wang ini adalah terdiri daripada Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM718.68 juta, Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM10.24 juta dan Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan berjumlah RM6.68 juta.

Carta 6 menunjukkan prestasi Penerimaan dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2015 hingga 2019.

**Carta 6 : Penerimaan Dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Terengganu Bagi Tahun 2015 Hingga 2019**





## **Kumpulan Wang Bekalan Air**

Tiada terimaan bagi Kumpulan Wang ini pada tahun 2019. Dengan jumlah perbelanjaan RM0.87 juta, Kumpulan Wang ini mengalami kurangan semasa (defisit) RM0.87 juta. Ini menyebabkan keseluruhan baki Kumpulan Wang ini berkurangan daripada RM70.09 juta pada 31 Disember 2018 kepada RM69.22 juta pada 31 Disember 2019. Perbelanjaan ini terdiri daripada sumber langsung sebanyak RM0.16 juta dan perbelanjaan mengurus sebanyak RM0.71 juta.

## **Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulanwang Luar Jangka, Akaun Kena Bayar dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan, 1957 (Disemak 1972) melalui resolusi Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang ini adalah untuk membolehkan kerajaan menyalurkan peruntukan ke satu tabung untuk sesuatu tujuan. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bayaran langsung.

Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2019 adalah sebanyak RM348.20 juta berbanding RM391.69 juta pada tahun sebelum. Secara keseluruhan baki kumpulan wang ini telah berkurangan sebanyak RM43.49 juta iaitu 11.10 %.

## **KUMPULAN WANG AMANAH AWAM**

Kumpulan Wang Amanah Awam ini adalah terdiri daripada kumpulan wang amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk maksud-maksud tertentu tetapi tidak bercorak kumpulan wang pusingan.

Baki Kumpulan Wang Amanah Awam telah mencatat kenaikan daripada RM128.70 juta pada tahun 2018 kepada RM143.25 juta tahun 2019. Terimaan kumpulan wang ini dalam tahun 2019 ialah sebanyak RM87.0 juta manakala pembayarannya adalah sebanyak RM72.46 juta. Ini menyebabkan baki kumpulan wang ini telah bertambah sebanyak RM14.55 juta (11.30 %).

## **AKAUN DEPOSIT**

Wang Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Dalam tahun 2019 penerimaan Akaun Deposit termasuk pelarasan adalah berjumlah RM77.33 juta manakala pembayarannya pula berjumlah RM110.28 juta. Baki terkumpul Akaun Deposit pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM211.10 juta dengan mencatat penurunan sebanyak RM32.95 juta atau 13.50 % dari baki terkumpul RM244.05 juta pada 31 Disember 2018.

## 7. **AKAUN MEMORANDUM**

### **ASET**

#### **PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

Jumlah baki pinjaman boleh dituntut sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM189.21 juta yang merangkumi baki pokok RM175.60 juta dan faedah RM13.61 juta. Baki ini berkurangan RM59.62 juta berbanding tahun sebelum sebanyak RM248.83 juta.

Baki Pinjaman Boleh Dituntut ini adalah merangkumi baki pinjaman yang diberikan kepada PMINT sebanyak RM62.35 juta dan Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) sebanyak RM126.85 juta.

Pada tahun 2019, jumlah bayaran balik yang diterima daripada agensi iaitu TISB adalah sebanyak RM6.68 juta dan tiada bayaran balik diterima daripada PMINT. Jumlah tunggakan bayaran balik pula adalah RM62.35 juta terdiri daripada pinjaman pokok RM48.75 juta dan faedah RM13.60 juta.

#### **PELABURAN**

Jumlah baki pelaburan ASDI pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM3.45 juta, meningkat sebanyak RM0.17 juta berbanding baki pelaburan berjumlah RM3.28 juta ketika ianya mula diambilkira dalam Penyata Memorandum Penyata Kewangan Kerajaan Negeri pada tahun 2018.

#### **TUNGGAKAN HASIL**

Jumlah tunggakan hasil negeri pada 31 Disember 2019 ialah RM86.80 juta iaitu peningkatan sebanyak RM48.89 juta atau 128.96 % berbanding RM37.91 juta pada tahun 2018.

## **LIABILITI**

### **HUTANG AWAM**

Baki pokok hutang awam pada 31 Disember 2019 adalah RM309.39 juta, berkurangan RM397.88 juta berbanding baki sebanyak RM707.27 juta pada tahun 2018. Baki ini adalah pinjaman bagi membiayai projek Badan Berkanun Negeri iaitu pinjaman kepada PMINT sebanyak RM9.98 juta dan projek Kerajaan Negeri sebanyak RM299.41 juta.

Pinjaman bagi membiayai projek Kerajaan Negeri terdiri daripada projek Bekalan Air sebanyak RM251.52 juta dan projek PAKR RM47.89 juta. Bayaran balik pinjaman dalam tahun 2019 adalah sebanyak RM425.71 juta melibatkan bayaran balik pokok RM397.88 juta dan faedah RM27.83 juta.

## **8. PENUTUP**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding tahun sebelum di mana baki Aset didalam Kumpulan Wang Disatukan adalah berjumlah RM597.56 juta iaitu peningkatan sebanyak 286.32 % berbanding pada tahun 2018 sebanyak RM154.68 juta. Peningkatan ini adalah berikutan jumlah hasil yang diterima oleh Kerajaan Negeri telah meningkat sebanyak 42.86 % kepada RM2,560.96 juta. Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2019 adalah berjumlah RM2,300.99 juta iaitu mengalami peningkatan sebanyak 22.87 % atau RM428.23 juta.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri telah berjaya mengukuhkan kedudukan kewangan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Kejayaan ini adalah hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah kawalan dalaman perbelanjaan yang lebih ketat, pemotongan peruntukan dan pengurangan perbelanjaan disamping usaha-usaha yang diambil untuk meningkatkan hasil negeri. Dasar kewangan ini akan diteruskan bagi memastikan semua pelaksanaan program dan projek yang dijalankan mampu memberi impak secara langsung kepada kesejahteraan rakyat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Kerajaan Negeri Terengganu.



**PERNYATAAN  
PEGAWAI KEWANGAN  
NEGERI DAN  
BENDAHARI NEGERI  
TERENGGANU**



## PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI TERENGGANU

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan.

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2019.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2019.



DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN  
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu  
04 Februari 2020



HAJAH MARZIALIANA BINTI MOHAMED  
Bendahari Negeri Terengganu  
04 Februari 2020





# **PENYATA KEWANGAN NEGERI**





**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**  
pada 31 Disember 2019

		<u>2019</u>	<u>2018</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>WANG AWAM</b>			
<b>WANG TUNAI</b>	3	187,559,878.01	94,479,301.61
<b>PELABURAN</b>	4	410,000,000.00	60,200,000.00
		<hr/>	<hr/>
		<b>597,559,878.01</b>	<b>154,679,301.61</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>	5	257,363,868.61	(2,607,619.83)
<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	6	0.00	0.00
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	7	340,196,009.40	157,286,921.44
		<hr/>	<hr/>
		<b>597,559,878.01</b>	<b>154,679,301.61</b>
		<hr/>	<hr/>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	<u>Nota</u>	<u>2019</u>		<u>2018</u>	
		RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>					
<b>Hasil</b>					
Hasil Cukai		73,832,714.00		77,991,036.95	
Hasil Bukan Cukai		173,668,248.78		205,286,870.07	
Terimaan Bukan Hasil		1,887,752,645.19		1,509,242,129.37	
		-	2,135,253,607.97	-	1,792,520,036.39
<b>Pinjaman</b>					
Pinjaman Dalam Negeri	6	0.00		0.00	
		-	0.00	-	0.00
<b>Bantuan Luar Negeri</b>					
Pinjaman Multilateral	6	0.00		0.00	
Pinjaman Bilateral		0.00		0.00	
		-	0.00	-	0.00
<b>Terimaan Modal</b>					
Pelbagai Terimaan Modal	7	16,918,501.85		6,739,315.07	
Jualan Instrumen Kewangan		0.00		0.00	
		-	16,918,501.85	-	6,739,315.07
<b>Terimaan Lain</b>					
Terimaan Amanah	7	0.00		0.00	
		-	0.00	-	0.00
<b>Jumlah Terimaan</b>			<b>2,152,172,109.82</b>	<b>1,799,259,351.46</b>	

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	<i>Nota</i>	<u>2019</u>		<u>2018</u>	
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>					
Emolumen		(262,858,856.85)		(272,477,500.03)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(184,581,608.91)		(180,092,823.52)	
Aset		(11,006,834.30)		(7,504,039.40)	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		(696,906,781.22)		(778,078,792.62)	
Perbelanjaan Lain		<u>(1,243,813.77)</u>	(1,156,597,895.05)	<u>(146,862.26)</u>	(1,238,300,017.83)
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
Langsung		(489,923,985.38)		(511,994,136.45)	
Pinjaman		0.00	(489,923,985.38)	0.00	(511,994,136.45)
<b>Perbelanjaan Modal</b>					
Pelbagai Perbelanjaan Modal		0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	4	(349,800,000.00)	(349,800,000.00)	(58,900,000.00)	(58,900,000.00)
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>					
Pinjaman Dalam Negeri		0.00		(9,451,004.31)	
Pinjaman Kepada Agensi		0.00	-	0.00	(9,451,004.31)
<b>Bantuan Luar Negeri</b>					
Pinjaman Multilateral		0.00		0.00	
Pinjaman Bilateral		0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Bayaran Lain</b>					
Bayaran Amanah	7	<u>(62,769,652.99)</u>	(62,769,652.99)	<u>(48,581,422.72)</u>	(48,581,422.72)
<b>Jumlah Bayaran</b>			<u>(2,059,091,533.42)</u>		<u>(1,867,226,581.31)</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			93,080,576.40		(67,967,229.85)
Wang Tunai Pada 1 Januari 2019			<u>94,479,301.61</u>		<u>162,446,531.46</u>
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2019</b>			<u><b>187,559,878.01</b></u>		<u><b>94,479,301.61</b></u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	<u>Nota</u>	<u>2019</u>		<u>2018</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>HASIL</b>	5	2,015,000,000.00	2,560,959,569.97	1,792,520,036.39
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus	5	2,015,000,000.00	1,582,303,857.05	1,247,751,022.14
<b>LEBIHAN HASIL</b>		0.00	<b>978,655,712.92</b>	<b>544,769,014.25</b>
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7	599,395,870.00	489,923,985.38	511,994,136.45
<b>(KURANGAN)/LEBIHAN KESELURUHAN</b>		<b>(599,395,870.00)</b>	<b>488,731,727.54</b>	<b>32,774,877.80</b>
<b>(KURANGAN DIBIYAI OLEH) / LEBIHAN DISOKONG OLEH:</b>				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		16,918,501.85	6,739,315.07
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		(505,650,229.39)	(39,514,192.87)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>(488,731,727.54)</b>	<b>(32,774,877.80)</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

pada 31 Disember 2019

		<u>2019</u>	<u>2018</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
<b>MEMORANDUM ASET</b>	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		189,209,936.27	248,830,823.10
Pelaburan		3,453,050.64	3,276,992.61
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	9		
Hutang Awam		309,975,701.08	733,129,563.52

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

### **1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
  - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

## 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persembahan Penyata Kewangan dan Nota yang disertakan bagi tahun 2011 dan seterusnya telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

## 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang kurang dari 3 bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<b>2019</b> <b>RM</b>	<b>2018</b> <b>RM</b>
Wang Tunai Dalam Bank	187,215,073.88	94,375,151.61
Wang Tunai Dalam Perjalanan	239,404.13	0.00
Wang Tunai Dalam Tangan	105,400.00	104,150.00
<b>JUMLAH WANG TUNAI</b>	<b>187,559,878.01</b>	<b>94,479,301.61</b>



#### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam tahun 2019, sejumlah RM410.00 juta telahpun dilaburkan sebagai pelaburan yang melebihi tempoh 3 bulan yang mana semuanya terdiri daripada Pelaburan Am.

#### 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa sebanyak RM718.68 juta telahpun dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019			2018	
	Anggaran	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	%	RM	%
BAKI PADA 1 JANUARI		(2,607,619.83)		77,628,244.92	

#### HASIL

Hasil Cukai	66,932,500.00	73,832,714.00	110.31	77,991,036.95	117.42
Hasil Bukan Cukai	203,525,753.00	173,668,248.78	85.33	205,286,870.07	100.66
Terimaan Bukan Hasil	1,744,541,747.00	2,313,458,607.19	132.61	1,509,242,129.37	97.71
<i>Jumlah Hasil</i>	2,015,000,000.00	2,560,959,569.97	127.09	1,792,520,036.39	98.76

**PERBELANJAAN MENGURUS**

Emolumen	292,948,689.60	262,858,856.85	89.73	272,477,500.03	91.87
Perkhidmatan dan Bekalan	222,207,672.90	184,581,608.91	83.07	180,092,823.52	86.59
Aset	15,425,653.73	11,006,834.30	71.35	7,504,039.40	56.93
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	883,174,160.00	1,122,612,743.22	127.11	787,529,796.93	84.85
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	1,243,823.77	1,243,813.77	100.00	146,862.26	99.99
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	1,415,000,000.00	1,582,303,857.05	111.82	1,247,751,022.14	86.29
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	600,000,000.00	718,684,224.48	119.78	625,004,879.00	113.64
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	2,015,000,000.00	2,300,988,081.53	114.19	1,872,755,901.14	93.83
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		259,971,488.44		(80,235,864.75)	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b><u>257,363,868.61</u></b>		<b><u>(2,607,619.83)</u></b>	

**(a) Hasil**

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019				2018	
	Anggaran	Anggaran	Sebenar		Sebenar	
	Asal	Disemak	RM	%	RM	%
<b>HASIL CUKAI</b>						
Cukai Tanah	36,030,000.00	36,030,000.00	35,200,696.89	97.70	31,474,710.92	87.36
Cukai Galian	365,500.00	365,500.00	638,900.25	174.80	77,298.80	21.15
Cukai Parit Dan Taliar	15,000.00	15,000.00	14,190.70	94.60	13,796.80	91.98
Royalti	29,500,000.00	29,500,000.00	35,297,887.42	119.65	43,835,941.07	153.81
Cukai Langsung Yang Lain	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	1,022,000.00	1,022,000.00	2,681,038.74	262.33	2,589,289.36	171.33
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	66,932,500.00	66,932,500.00	73,832,714.00	110.31	77,991,036.95	117.42
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	9,601,608.00	9,601,608.00	11,834,782.50	123.26	8,859,844.71	88.11
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	7,093,649.00	7,093,649.00	5,199,966.07	73.30	4,724,916.82	66.52
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	146,735,278.00	146,735,278.00	133,782,277.42	91.17	177,077,431.81	120.64
Sewaan	2,046,500.00	2,046,500.00	1,114,614.48	54.46	997,971.22	49.96
Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan	28,889,274.00	28,889,274.00	16,072,692.48	55.64	9,033,179.14	31.26
Denda dan Hukuman	9,159,444.00	9,159,444.00	5,663,915.83	61.84	4,593,526.37	50.51
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	203,525,753.00	203,525,753.00	173,668,248.78	85.33	205,286,870.07	100.66
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,722,372.00	2,722,372.00	45,134,035.19	1,657.89	6,689,123.34	236.70
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	1,741,819,375.00	1,741,819,375.00	2,268,324,572.00	130.23	1,502,553,006.03	97.45
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	1,744,541,747.00	1,744,541,747.00	2,313,458,607.19	132.61	1,509,242,129.37	97.71
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>2,015,000,000.00</b>	<b>2,015,000,000.00</b>	<b>2,560,959,569.97</b>	<b>127.09</b>	<b>1,792,520,036.39</b>	<b>98.76</b>

(b) **Perbelanjaan Mengurus**

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2019			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	%
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>				
T. 01 Pengelola Istana	38,518,417.51	38,518,417.51	38,513,235.55	99.99
T. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	10.00	10.00	0.00	0.00
T. 03 Dewan Undangan Negeri	398,020.00	398,020.00	361,913.12	90.93
T. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	46,417,752.49	46,417,752.49	464,164,428.31	999.97
T. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	690,800.00	690,800.00	436,836.49	63.24
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	86,025,000.00	86,025,000.00	503,476,413.47	585.27
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>				
B. 02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	64,084,105.63	64,084,105.63	51,452,537.52	80.29
B. 03 Dewan Undangan Negeri	15,635,753.40	15,635,753.40	15,510,761.87	99.20
B. 04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	1,034,995,943.38	1,034,995,943.38	1,021,032,180.77	98.65
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	864,801.72	864,801.72	778,861.80	90.06
B. 07 Pejabat Mineral Dan Geosains	205,816.80	205,816.80	178,942.82	86.94
B. 08 Jabatan Hal Ehwal Agama	67,595,519.46	67,595,519.46	63,906,032.85	94.54
B. 09 Jabatan Kebajikan Masyarakat	63,801,028.86	63,801,028.86	57,100,287.47	89.50
B. 10 Jabatan Kerja Raya	63,127,936.02	63,127,936.02	53,821,255.83	85.26
B. 11 Jabatan Pengairan Dan Saliran	20,471,222.90	20,471,222.90	17,863,968.13	87.26
B. 12 Pejabat Daerah Besut	10,385,958.49	10,385,958.49	8,454,827.79	81.41
B. 13 Pejabat Daerah Dungun	9,346,297.14	9,346,297.14	8,326,380.64	89.09
B. 14 Pejabat Daerah Hulu Terengganu	9,452,142.26	9,452,142.26	8,179,096.80	86.53
B. 15 Pejabat Daerah Kemaman	10,414,048.78	10,414,048.78	9,760,301.88	93.72
B. 16 Pejabat Daerah Kuala Terengganu	14,356,332.21	14,356,332.21	11,311,092.74	78.79
B. 17 Pejabat Daerah Marang	7,561,856.57	7,561,856.57	6,640,265.08	87.81
B. 18 Pejabat Daerah Setiu	7,503,594.07	7,503,594.07	6,695,165.44	89.23
B. 19 Pejabat Tanah Dan Galian	8,284,962.48	8,284,962.48	7,510,160.78	90.65
B. 20 Pejabat Tanah Besut	5,130,022.69	5,130,022.69	4,377,530.13	85.33
B. 21 Pejabat Tanah Dungun	4,674,995.24	4,674,995.24	4,285,353.57	91.67
B. 22 Pejabat Tanah Hulu Terengganu	5,090,778.38	5,090,778.38	4,371,385.22	85.87
B. 23 Pejabat Tanah Kemaman	5,283,870.80	5,283,870.80	4,711,082.06	89.16

B. 24 Pejabat Tanah Kuala Terengganu	5,924,335.85	5,924,335.85	4,690,042.32	79.17
B. 25 Pejabat Tanah Marang	4,623,988.84	4,623,988.84	3,829,178.87	82.81
B. 26 Pejabat Tanah Setiu	4,466,613.56	4,466,613.56	3,864,767.56	86.53
B. 27 Jabatan Kehakiman Syariah	9,203,838.30	9,203,838.30	9,151,238.71	99.43
B. 28 Pejabat Perancang Bandar & Desa	3,629,928.72	3,629,928.72	3,008,031.70	82.87
B. 29 Jabatan Perhutanan Negeri	24,641,729.07	24,641,729.07	21,057,374.70	85.45
B. 30 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	11,744,476.34	11,744,476.34	10,042,712.82	85.51
